

Wasatiyyah asas kestabilan negara, hindari fahaman ekstrem umat

Oleh Mohd Amrullah Ashraf Sairan
bhagama@bh.com.my



Pensyarah Kanan,
Pusat Pengajian
Bahasa, Tamadun
dan Falsafah,
Universiti
Utara Malaysia

Malaysia adalah negara Islam sentiasa mengamalkan konsep wasatiyyah atau kesederhanaan. Konsep ini terkandung dalam prinsip ajaran Ahli Sunnah Wal Jamaah yang sudah lama bertapak di negara ini.

Oleh demikian, tidak wujud dalam sejarah negara, bahawa Islam didakwa dalam bentuk paksaan, peperangan, pergaduhan dan kaedah lain yang ketat serta menyusahkan.

Sebaliknya ajaran Islam disampaikan dan diperluaskan pendakwah terdahulu dengan penuh hikmah wasatiyyah sehingga ia boleh diterima setinggi-tinggi kedudukan seperti sultan sehingga kepada rakyat jelata.

Islam adalah agama sangat mengambil berat terhadap konsep keamanan. Dalam Islam konsep keamanan berpaksikan kepada sistem dan doktrin menyeluruh membabitkan alam sejagat, kehidupan dan kemanusiaan.

Berdasarkan asal-usul manusia sama, maka ajaran Islam melarang sama sekali segala bentuk diskriminasi terhadap bangsa dan agama.

Lantaran itu, tidak sewajarnya berlaku permusuhan dan pertelingkahan dalam kalangan golongan beriman memandangkan mereka bukan sahaja bersatu dari aspek kemanusiaan, malahan berada dalam keyakinan sama iaitu kepercayaan kepada Allah SWT dan Rukun Iman.

Namun demikian, kehendak Allah SWT mengatasi segala-galanya. Antara punca terbesar konflik sesama umat Islam adalah salah fahaman terhadap agama dianuti. Bukan agama bersalah, tetapi sudut pandang pemahaman agama itu salah.

Tidak wujud lagi kesederhanaan sebaliknya ummah dilihat terjerumus kepada 'ifrat' (terlalu ketat) dan 'tafrit' (terlalu longgar), 'ghuluw' (melampau) dan 'tasahul' (mengambil mudah). Ini semua terzahir menerusi cara mereka berfikir dan bertindak.

Ketaksabaran dan fanatik menjadi sebahagian sikap membentuk fahaman serta tindakan ekstremisme. Tabiat pemikiran seperti ini amat berbahaya jika tidak dibendung. Ini kerana sikap ekstremisme dalam beragama akan memberikan impak negatif kepada agama Islam itu sendiri dan boleh menimbulkan bencana di luar konteks agama.

Menurut bekas Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama), Dr Zulkifli Mohamad al-Bakri, ekstremisme akan menyebabkan agama menjadi pihak tertuduh dan munculnya ketidakharmonian di tengah-tengah masyarakat tempatan dan antarabangsa.

Maka, hal ini akan menjadi punca kepada tindakan digelar 'al-irhab' dalam bahasa Arab. Orang melakukannya disebut 'irhabiyah', manakala fahaman yang disebut 'irhabiyyah' atau terorisme dalam bahasa masyarakat dunia pada hari ini.

Oleh itu, syariat Islam begitu tegas dalam memerangi terorisme dan keganasan. Dalam konteks syariah, perbuatan itu termasuk dalam jenayah hudud di bawah kategori 'hirabah', perbuatan menimbulkan kekacauan dalam masyarakat sehingga menggugat ketenteraman dan keselamatan awam.

Apa yang jelas, permasalahan ini tidak mampu ditumpaskan dengan kekuatan fizikal semata-mata. Kita perlu memusnahkan ideologi diperjuangkan golongan ekstremis menerusi pendedahan maklumat akan pembongkaran mereka dalam memanipulasikan fikiran masyarakat.

Bertemu di titik keseimbangan

Islam juga tidak sama sekali mengajarkan perkara berunsur kejahatan apatah lagi jika membabitkan kehilangan nyawa secara salah. Allah SWT menjelaskan pada Surah an-Nisa, ayat 93 bermaksud: "Dan sesiapa membunuh seseorang mukmin dengan sengaja, maka balasannya ialah neraka jahanam, kekal ia di dalamnya, dan Allah murka kepadanya dan melak-

Islam adalah agama sangat mengambil berat terhadap konsep keamanan.

Dalam Islam konsep keamanan berpaksikan kepada sistem dan doktrin menyeluruh membabitkan alam sejagat, kehidupan dan kemanusiaan

sanakannya serta menyediakan baginya azab seksa yang besar".

Justeru, tiada yang dapat menghentikan tindakan terorisme, keganasan atau 'irhab' kecuali dengan mengembalikan konsep wasatiyyah Islam. Apabila istilah wasatiyyah disandarkan kepada umat Islam, maka ini membawa maksud 'Umat Islam mencapai sifat mahmudah (murni) terbit daripada kedudukan syariat Allah dalam kesederhanaan, kebaikan, keinsafan dan ketinggian lantas menjadikannya sebagai penghulu segala umat, ketua segala bangsa dan menjadi saksi ke atas mereka pada hari kiamat.

Lantaran itu, konsep wasatiyyah ini amat bertentangan dengan sikap ghuluw, melampau dan ekstrem. Hal ini sebagaimana Nabi SAW bersabda ertinya; "Jauhilah melampau 'ghuluw' dalam agama, kerana binasa mereka sebelum kamu disebabkan melampauannya mereka di dalam agama". (HR Ibn Majah)

Maka sifat wasatiyyah perlu diyakini sebagai kesepaduan positif dalam segenap aspek lapangan kehidupan, sama ada dari sudut akidah, syariah dan akhlak, mahupun secara individu atau kumpulan.

Di samping itu, kita juga perlu meyakini bahawa ghuluw atau ekstrem dalam beragama bakal merosakkan akidah, syariah dan akhlak sama ada secara individu atau berkumpulan.

Renungkan kata-kata ulama tersohor, Dr Yusuf al-Qaradawi bahawa wasatiyyah ialah tunjang kesatuan. Wasatiyyah melambangkan kesatuan dan titik pertemuan. Apabila berlakunya kepelbagaian, pertengahan akan muncul sebagai penyatu.

Oleh itu, kepelbagaian tadi akan bertemu di pertengahan yang menjadi pusat. Hal ini bermakna pemikiran di pertengahan membolehkan setiap arus pemikiran ekstrem bertemu di satu titik keseimbangan dan kesamarataan.

Oleh demikian, pada kebiasaannya mazhab dan aliran pemikiran melampau akan menimbulkan perselisihan serta ini berbeza dengan pemikiran mengutamakan kesederhanaan, pada kebiasaannya tidak akan menimbulkan perselisihan.

Justeru, dengan fadhilat, kepentingan dan keistimewaan yang ada pada manhaj wasatiyyah dibentangkan, Islam menganjurkan ia menjadi ciri penting perlu ditonjolkan dalam segenap kehidupan umat Islam terutama dalam konteks bernegara.

Suburkan prinsip wasatiyyah dalam segenap tindakan dan keputusan bagi mewujudkan sebuah negara bercirikan 'baladun thoyyibah wa rabbun ghafur' (negara baik dan mendapat keberkatan) akan dapat direalisasikan bersama.

